

BAB 3 : NUTRISI

1. Tuliskan **BENAR** atau **PALSU** pada pernyataan berikut

a)	Kekurangan vitamin B mengakibatkan anemia	
b)	Vitamin D membantu dalam penyerapan kalsium	
c)	Kekurangan vitamin C menyebabkan rabun malam	
d)	Makan dua paha ayam boleh mencegah sembelit	
e)	Karbohidrat berfungsi untuk membekalkan tenaga	
f)	Penyakit riket dan gigi rapuh disebabkan kekurangan fosforus	
g)	Natrium dan kalium adalah penting dalam memelihara fungsi sistem saraf	
h)	Sumber utama kalsium termasuk daging, garam dan telur.	

2. Isi tempat kosong dengan perkataan yang diberikan

merah bata	Reagen Millon	putih	Benedict
------------	---------------	-------	----------

- a) Mendakan _____ akan terbentuk apabila larutan glukosa dipanaskan dengan larutan _____.
- b) Apabila _____ ditambahkan kepada protein, kemudian campuran itu dipanaskan dalam kukus air, mendakan _____ akan terbentuk

3. Lengkapkan peta alir menggunakan perkataan di bawah untuk menunjukkan aliran makanan

esofagus	rektum	Usus besar	duodenum
----------	--------	------------	----------

